

23 SEP 2002

SABAH-BELANJAWAN

SABAH AKAN RANGKA BELANJAWAN NEGERI YANG MESRA RAKYAT

KOTA KINABALU, 23 Sept (Bernama) -- Belanjawan negeri Sabah yang akan dibentang di dalam Dewan Undangan Negeri pada bulan hadapan akan berbentuk mesra rakyat dan mengambil berat soal pembangunan luar bandar, kata Menteri kewangan Sabah Datuk Musa Aman.

"Kita ikut sedikit sebanyak belanjawan negara yang mengambil berat pembangunan di luar bandar untuk menolong mereka yang kurang bernasib baik . Ini harus kita contohi dan kita laksanakan di Sabah," katanya kepada para pemberita apabila ditanya mengenai bentuk belanjawan negeri selepas beliau merasmikan satu seminar di sini, hari ini.

Seminar mengenai pengurusan strategik risiko itu adalah anjuran bersama Creative Busienss Services Sdn Bhd dan firma perakaunan Ernst and Young.

Musa berkata beliau menyifatkan Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 Sept lalu adalah yang "baik, prihatin, berharmoni, progresif dan sangat mengambil berat mengenai orang yang berpendapatan rendah dan juga pembangunan luar bandar."

Bajet 2003 juga menunjukkan kerajaan Malaysia begitu adil dalam mengagihkan kekayaan negara, katanya.

Musa berkata Sabah pula akan mendapat peruntukan yang baik dari segi pembangunan luar bandar dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan melawat negeri ini esok dijangka mengumumkan jumlah peruntukan yang akan diberikan oleh kerajaan pusat.

Dalam ucapan beliau Jumaat lepas, Dr Mahathir berkata sejumlah RM963 juta akan dibelanjakan bagi projek pembangunan dalam tahun ini dan diagihkan secara adil di mana keutamaan akan diberikan kepada negeri-negeri yang miskin dan yang mempunyai kawasan pedalaman yang luas.

Di antara projek-projek yang akan dibangunkan ialah projek prasarana di kampung-kampung seperti jalan raya, jambatan, pembaikan bangunan seperti surau, dan dewan masyarakat.

Musa berkata projek-projek pembangunan luar bandar itu akan diberikan keutamaan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera kerana kontrak-kontrak itu akan diagihkan menurut bahagian-bahagian (dalam parti).

Bahagian-bahagian akan menamakan calon-calon kontraktor dalam bahagian masing-masing, katanya.

"Keutamaan akan diberikan kepada kontraktor-kontraktor di kawasan bahagian. Jadi saya percaya memang banyak peluang akan diberi kepada mereka dan mungkin semua kontraktor akan dapat peluang," Musa berkata.

Ditanya mengenai pembayaran bonus kepada kakitangan kerajaan negeri, Musa berkata ia akan dibincangkan di dalam mesyuarat jemaah menteri. --

BERNAMA

MK ZK